

10/03/1999

RM3,000 bukan untuk kegunaan sendiri

KUALA LUMPUR, Selasa - Mohamed Azmin Ali hari ini memberitahu mahkamah bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memperkenalkannya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum beliau bekerja dengan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Mohamed Azmin, saksi ke-14 pembela berkata ketika itu beliau sedang menuntut di sebuah universiti di Amerika Syarikat.

"Saya memang mempunyai hubungan rapat dengan Perdana Menteri, isterinya dan keluarganya sehingga hari ini. Saya masih menghormati Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang menganggap saya sebagai keluarganya.

"Saya menulis surat mengundang saudara Anwar Ibrahim ke kampus saya untuk berucap dalam satu perhimpunan pelajar di Amerika, tetapi ditolak oleh saudara Anwar.

"Selepas itu, Perdana Menteri mengarahkan juga saudara Anwar pergi ke kampus saya dan di sana saya berjumpa saudara Anwar," katanya.

Menjawab soalan peguam bela Christopher Fernando, bagaimana Perdana Menteri memperkenalkan beliau kepada Datuk Seri Anwar, Mohamed Azmin menjawab:

"Ketika perbualan saya dengan Perdana Menteri melalui telefon daripada Amerika, Perdana Menteri memberitahu bahawa beliau sudah meminta saudara Anwar menghadiri program berkenaan serta meminta saya berbincang dengan saudara Anwar mengenai mesej yang disampaikan oleh Perdana Menteri."

Sebelum itu, Mohamed Azmin memberitahu mahkamah beliau ada membuat perisytiharan harta kepada Badan Pencengah Rasuah (BPR), tetapi tidak ingat tarikhnya.

Katanya, dalam perisytiharan itu beliau ada mencatatkan wang RM3,000 tetapi menafikan ia sebagai satu pendapatan tambahan bulanannya.

Menjawab soalan balas Timbalan Kanan Pendakwa Raya sama ada RM3,000 diberikan oleh Anwar, Mohamed Azmin berkata: Wang RM3,000 ini disumbangkan oleh saudara Anwar untuk urusan 'petty cash' pejabat serta sumbangan kecil kepada rakyat miskin yang datang ke pejabat memohon pertolongan.

Katanya, beliau mengisytiharkan RM3,000 sebagai pendapatan dalam borang perisytiharan harta untuk menjelaskan wang yang diberikan kepadanya dan untuk siapa.

Beliau tidak setuju dengan cadangan Abdul Gani bahawa wang berkenaan diberikan oleh Anwar untuk kegunaan beliau sendiri.

Kepada soalan Fernando, Mohamed Azmin berkata isterinya Shamsidar Taharin juga bekerja sebagai seorang perunding kepada Phileo Allied Bhd dan memperolehi pendapatan RM5,500 sebulan.

Menjawab soalan Abdul Gani, Mohamed Azmin berkata beliau mengenali bekas Timbalan Pengarah I Cawangan Khas, Datuk Amir Junus setakat sebagai seorang pegawai dengan pegawai polis.

Sehubungan itu, beliau tidak setuju dengan saranan Abdul Gani bahawa Amir tidak pernah mengadu kepadanya untuk berhubung kekecewaannya terhadap Anwar.

"Saya tidak setuju kerana aduan Amir membabitkan bidang tugas dan tanggungjawab saya. Ia membabitkan jemputan beliau ke Heart Scan Centre dan ini adalah bidang tugas saya untuk berbincang dengan saudara Anwar sama ada beliau perlu hadir atau tidak," katanya.

Kepada soalan lain, Mohamed Azmin berkata Asisten Superintendan Mohd Rodwan Mohd Yusof ada memintanya ke Bukit Aman membawa anak perempuannya yang berusia dua tahun setengah untuk diambil kenyataan.

"Saya berkata kepada ASP Rodwan, apakah tujuan beliau memaksa saya membawa anak saya yang hanya berusia dua tahun setengah dan belum boleh bercakap untuk tujuan merakamkan kenyataan. ASP Rodwan menyebut, 'tak apa, bawa sajalah'," katanya.

Abdul Gani membantah jawapan itu dengan alasan cakap dengar dan mahkamah membenarkan bantahan itu.

Mohamed Azmin berkata, pada 22 September tahun lalu beliau dibawa ke Mahkamah Majistret untuk dilanjutkan tahanan reman selama tujuh hari lagi oleh polis.

Katanya, ketika di depan Majistret beliau membuat aduan di atas layanan polis ke atasnya.

"Saya menyatakan kepada Majistret bahawa saya tidak boleh dilanjutkan tahanan reman kerana tindakan dan ugutan pihak polis semasa dalam tahanan adalah terlalu kejam dan memaksa saya membuat pengakuan yang membabitkan saudara Anwar dan tidak berasas sama sekali," katanya.

Sementara itu, Hakim Datuk S Augustine Paul membatalkan waran tangkap yang dikeluarkan ke atas dua saksi iaitu Norlia Ali dan Mohd Noriwal Shamsuddin selepas diberitahu ada kesilapan teknikal.

Sebelum itu, Fernando memohon kepada mahkamah supaya mengeluarkan waran tangkap ke atas dua saksi berkenaan kerana tidak hadir ke mahkamah walaupun sapina sudah dikeluarkan ke atas mereka pada 1 Mac lalu.

Bagaimanapun, selepas diberitahu oleh Abdul Gani ada kesilapan tarikh sapina dikeluarkan dan sepatutnya mereka hadir, mahkamah membatalkan waran tangkap berkenaan.

(END)